



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais
Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558
<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinit 10 - 9 Ogos 2026

Doa Hari Ini

Bapa Mahakuasa, Anak-Mu Yesus Kristus mengajar bahawa apa yang kami lakukan kepada orang yang paling tidak layak kami lakukan juga kepada Dia; berilah kami kehendak menjadi pelayan orang lain seperti mana Dia adalah pelayan kepada semua orang, yang mengorbankan nyawa dan mati untuk kami, tetapi sekarang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu Allah, sekarang dan selamanya. Amin.

Injil - Lukas 19:11-26

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 5:1-11



“Bolehkah Tuhan dipercayai hati kita?”

**ENGKAU BUKAN
MENDUSTAI MANUSIA,
TETAPI MENDUSTAI
ALLAH . KIS 5:4**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. SELAMAT DATANG KE DALAM KELUARGA GEREJA


Dengan sukacita, kita mengalu-alukan mereka yang telah menerima baptisan pada hari ini:

- CHI - Isabel Wong Shi Ning, Pang Sun Nyee, Yong Shien Ping
- ENG - Elliot Jacob Jungmin Gan, Gianna Chin Jing Jia
- BM - Afiq Feqhrin Bin Felix @ Josua, Devano Aldrian Alessandro, Ho Kee Zhe, Winnie Agustinus

Marilah kita bersama mendampingi mereka dalam perjalanan iman.

2. KONFERENSI ALKITAB

- Tema: 'Di bumi seperti di syurga': Memahami kehidupan di bumi dari perspektif syurga.
- 14 Ogos, Jum, 7:30 pm - Sesi 1: 'Penciptaan & Pandangan Dunia'
- 15 Ogos, Sab: 9:00 pagi
 - Sesi 2 & 3: 'Penebusan dan Pandangan Dunia'; 'Pemulihan & Pandangan Dunia'.
 - Q&A - Anda boleh mengemukakan soalan melalui borang pendaftaran.
- Pembicara: Dr. Jason Garwood (pastor-teologis, penulis). Semua sesi akan dijalankan dalam bahasa Inggeris.
- Sila mendaftar dengan yuran RM10 untuk menikmati jamuan kopi!



3. ACARA ISTIMEWA

- 15 Ogos, Sab, 6:30 ptg
 - Untuk muda-mudi CHI&ENG - 'Pembelajaran Kristian – Menggunakan pendidikan saya untuk Kerajaan Tuhan'. Pembicara: En. James Woo (KL), pendidik dan pensyarah.
- 16 Ogos, Ahad
 - ENG, 9:30 am - Pembicara: Dr. Jason Garwood.
 - Persekutuan Kampus BM, 1:30 pm - 'Panggilan Kristian – Menggunakan hidup saya untuk Kerajaan Tuhan'. Pembicara: Pak Marco Sandhiputra (Jakarta).
 - ENG & BM, 7.30 malam – 'Kesihatan Sepanjang Hayat': Dr. Jason akan berkongsi perjalanan beliau menjaga isterinya yang menghidap kanser.

Berdoa agar kita mengalami waktu pembelajaran yang bermakna.

4. **AHAD PENETAPAN - 23 OGOS**

- 23 Ogos, Ahad - 38 orang akan ditetapkan.
 - 8:30 pagi – Ibadah Penetapan Gabungan CHI & ENG
 - 11:30 pagi - Ibadah Penetapan BM

Marilah kita mendoakan semua calon pembaptisan dan penetapan. Kiranya Roh Kudus terus menguatkan dan memelihara mereka sehingga kedatangan Tuhan Yesus Kristus.

5. **SINOD DIOSIS KE-34 - 24-27 OGOS**

Berdoalah untuk Bishop Melter agar Tuhan terus memimpin dan menguatkannya dalam memimpin diosis melaksanakan misi Tuhan di Sabah dan sekitarnya. Doakan juga untuk 6 perwakilan kita.

6. **SALAM TAKZIAH**

Takziah kepada keluarga mendiang Datin Tay Phui Chu, 91 tahun. Beliau bersama suaminya, Datuk Lok Kin Joung, pernah beribadah dan melayani di CCL. Bersyukur atas kehidupan mereka serta doakan keluarga yang ditinggalkan.



7. **VAN GEREJA BARHU**

Dana yang diperlukan: RM185,000.

Terkumpul setakat ini: RM25,120. Kenderaan tersebut akan diserahkan kepada kita tidak lama lagi.

8. **PELAYANAN LAINNYA**

- 12-20 Ogos - Kejohanan **Bola Keranjang Antara Gereja**. Perlawanan pertama Anglikan: 12 Ogos, 8:40 malam, Dewan Luyang. Semua dijemput hadir memberi sokongan!
- 20-23 Ogos - **Konferensi Empower 2026**, *Glory Christian Centre*.
- 15-16 Sep - **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo**, SICC. Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Crishna Pillai.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



‘YANG KUKEHENDAKI ILAH MENGENAL KRISTUS’

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Ogos 10	Mrk 9	Mz 58	Jum, Ogos 14	Mrk 15-16	Mz 62
	Sel, Ogos 11	Mrk 10-11	Mz 59	Sab, Ogos 15	Luk 1	Mz 63
	Rab, Ogos 12	Mrk 12-13	Mz 60	Ahd, Ogos 16	Luk 2	Mz 64
	Kha, Ogos 13	Mrk 14	Mz 61			

Kisah Para Rasul 5:1-11 - “Ketidakpercayaan”

- Untuk Renungan & Perbincangan:

- Jika anda dibenarkan membawa satu sahaja barang ke syurga, apakah barang itu? Telefon bimbit? Cincin emas? Mengapa?
- Ananias dan Safira menyimpan sebahagian wang hasil jualan mereka, tetapi memberitahu seolah-olah mereka memberikan semuanya (ayat 1-2). Petrus bertanya tiga soalan dalam ayat 4. Apakah jawapan anda kepada setiap soalan itu? Adakah salah untuk mereka menyimpan sebahagian wang tersebut? Mengapa?
- Mengapa Tuhan memandang serius penipuan Ananias dan Safira (ayat 4 & 9)? Apakah yang kisah ini ajarkan tentang ketidakjujuran dan kemunafikan? Adakah perkara seperti ini masih berlaku hari ini?
- Renungkan ayat yang kita ucapkan setiap Ahad: *“Segala yang di langit dan di bumi Adalah milik-Mu. Kerana segalanya Adalah pemberian-Mu dan apa yang kami berikan ini kepunyaan-Mu juga.”* (1 Tawarikh 29:14). Apakah yang ayat ini ajarkan tentang memberi dan persembahan?
- Bagaimanakah kita dapat membina kejujuran dan kepercayaan dalam gereja? Bagaimanakah kita dapat membersihkan hati daripada niat tersembunyi?

UNTUK DIDOAKAN

Komuniti yang Kita Kasihi

- Berdoa bagi para peniaga kecil sehingga syarikat besar, agar mereka diberkati serta mampu mengurus kekayaan dengan bertanggungjawab.

Golongan Belia yang Kita Kasihi

- Berdoa untuk belia CHI, ENG & BM di gereja kita agar dibimbing oleh mentor yang dapat menginspirasi mereka melakukan perkara besar bagi Tuhan.

Diri sendiri

- Berdoa agar kita menjadi penatalayan yang baik dan hidup bermurah hati atas segala yang Tuhan percayakan kepada kita.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.